

**Parlimen: Warta Kg Melayu lama tanah warisan perlu disetujui pemilik tanah**  
**The Malaysian Insider**  
**24 Oktober , 2011**

KUALA LUMPUR, 24 Okt — Kampung Melayu lama di negara ini hanya akan diwarta sebagai kampung warisan sekiranya pewaris atau pemilik tanah di kampung itu sebulat suara bersetuju untuk berbuat demikian.

Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan Datuk Maglin Dennis D’Cruz berkata kerajaan tidak mempunyai kuasa untuk memaksa mana-mana pewaris atau pemilik tanah untuk mewartakan kampung mereka sebagai kampung warisan.

“Berdasarkan Akta Warisan Kebangsaan 2005, sesebuah tapak atau bangunan memerlukan persetujuan pemilik tanah sebelum ia diwartakan sebagai warisan,” katanya di Dewan Rakyat hari ini.

Maglin menjawab soalan Datuk Lilah Yasin (BN-Jempol) yang ingin mengetahui perancangan kementerian itu bagi mengekalkan warisan kampung Melayu lama dan akta yang memelihara agar kewujudan kampung Melayu berkekalan, lapor Bernama Online.

“Ada juga kampung yang kita sasarkan tapi agak sukar kerana ada sesetengah pemilik atau pewaris yang sukar dihubungi...mungkin kerana tukar alamat,” katanya.

Beliau berkata Jabatan Warisan juga menerima beberapa permohonan daripada pemilik dan pewaris yang mahu kampung mereka diwarta sebagai kampung warisan, tetapi ia perlu memenuhi kriteria yang antaranya mengambil kira khazanah atau tradisi yang memerlukan pemuliharaan.

The Malaysian Insider  
Hakcipta © 2011 The Malaysian Insider  
Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/parlimen-warta-kg-melayu-lama-tanah-warisan-perlu-disetujui-pemilik-tanah/>